

## PRESS CLIPPING

---

DATE : OCTOBER 1, 2019  
MEDIA : BERITA HARIAN  
SECTION : N/A  
PAGE : COVER PAGE  
COLOUR : BLACK & WHITE  
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

---



## PRESS CLIPPING

---

DATE : OCTOBER 1, 2019  
MEDIA : BERITA HARIAN  
SECTION : NASIONAL  
PAGE : 14  
COLOUR : BLACK & WHITE  
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

---

### Pelaburan tak munasabah punca untung rendah

**Kuala Lumpur:** Pelaburan tidak munasabah yang dijalankan kepimpinan terdahulu menyebabkan keuntungan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) lebih rendah dan memberi kesan kepada pembayaran dividen kepada ahlinya bagi tahun kewangan berakhir 2018.

Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, berkata untuk mengisytiharkan dividen yang lebih tinggi, LTAT memerlukan pulangan yang baik hasil daripada pelaburannya.

“Untuk rekod, pendapatan bersih LTAT pada 2017 turun lebih 30 peratus daripada RM686.8 juta kepada RM459.5 juta.

“Bagi Tahun Kewangan 2016 pula, pendapatan bersih LTAT juga turun sebanyak 48 peratus daripada RM685.5 juta kepada RM356.2 juta selepas mengambil kira penyelarasan daripada penjualan tanah yang tidak dimuktamadkan, namun hasil jualan itu telah diambil kira sebagai pendapatan LTAT,” katanya dalam satu kenyataan media, di sini, malam tadi.

LTAT mengumumkan dividen dua peratus untuk ahlinya bagi tahun kewangan berakhir 2018, dengan jumlah agihan RM161.2 juta. Dividen berkenaan akan diagihkan pada ahli, minggu ini.

Mohamad berkata, LTAT perlu menjaga kebajikan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kerana tiada gunanya mengisytiharkan dividen yang tinggi jika ia memberi kesan negatif terhadap kewangannya.

## PRESS CLIPPING

DATE : OCTOBER 1, 2019  
MEDIA : BERITA HARIAN  
SECTION : NASIONAL  
PAGE : 14  
COLOUR : FULL COLOUR  
EXPOSURE VALUE : TO BE DETERMINED

# Dividen LTAT 2.0 peratus

Kadar pulangan  
ambil kira  
pendapatan bersih  
tahun dikaji

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan  
Nora Mahpar  
bbbiz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengumumkan dividen sebanyak 2.0 peratus untuk tahun kewangan 2018 berakhir 31 Disember 2018.

Kadar pulangan itu adalah tendah dalam sejarah penubuhan lembaga itu pada 1972.

Ia dibuat setelah mengambil kira pendapatan bersih LTAT sebanyak RM221 juta bagi tahun dikaji, penurunan ketara sebanyak 51.9 peratus berbanding pendapatan bersih yang dinyatakan semula sebanyak RM459.5 juta bagi tahun kewangan 2017.

Ketua Eksekutifnya, Nik Amlizan Mohamed, berkata kemerosotan ketara bagi 2018 itu adalah disebabkan pelbagai faktor yang membabitkan dua tahun kewangan sebelumnya.

Katanya, pulangan aset lima tahun LTAT dari 2014 hingga 2018 adalah lebih rendah daripada kadar dividen yang diumumkan, sekali gus menyebabkan LTAT membayar dividen berlebihan dan di luar kemampuan.

"Pada 2016, dividen yang dibayar adalah RM685.5 juta berbanding pendapatan RM329.3 juta. Bagi 2017 pula, jumlah dividen yang dibayar adalah RM686.8 juta berbanding pendapatan diselaraskan semula sebanyak RM459.5



Mohd Zahidi dan Nik Amlizan pada Sidang media pengumuman keputusan kewangan LTAT bagi tahun kewangan berakhir 2018 di Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

juta, menyaksikan lebih bayaran dividen sebanyak RM227.3 juta," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pengumuman keputusan kewangan LTAT bagi tahun kewangan berakhir 2018 di sini, semalam. Yang turut hadir, Pengerusi LTAT, Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin.

Bagi 2017, LTAT mengumumkan dividen dan bonus sebanyak 12.5 peratus, manakala bagi 2016, lembaga pengarah mengumumkan agihan 12.0 peratus.

Keadaan itu adalah di luar kemampuan sebenar kewangan pada ketika itu. Dividen dan bonus sebenar yang dalam kemampuannya pada waktu itu adalah sebanyak 7.99 peratus.

Selain itu, Nik Amlizan berkata, perakuan pendapatan semula sebanyak RM238.8 juta pada

206 daripada dua transaksi jualan tanah yang belum selesai menyebabkan keperluan untuk penyataan semula pendapatan LTAT bagi 2016 daripada RM595 juta kepada RM356.2 juta.

Selain itu, katanya, tindakan membuat perakuan awal sebanyak RM202.7 juta membabitkan dua lagi transaksi jualan tanah belum selesai pada 2017 juga menyebabkan penyataan semula pendapatan bagi tahun itu daripada RM662.2 juta kepada RM459.5 juta.

Mengulas mengenai rancangan LTAT untuk menstruktur semula portfolio pelaburannya, Nik Amlizan, berkata pihaknya sudah melantik Ketua Pegawai Pelaburan (CIO) untuk meneliti peluang pelaburan pada masa depan.

"LTAT kini terbuka untuk me-

masuk ke pasaran pelaburan di luar negara bagi meningkatkan nilai aset kami, bagaimanapun, kami memerlukan rangka kerja dan individu yang tepat bagi menggalas tugas ini.

"Mungkin tahun hadapan kami akan pertimbangkan (melabur dalam pasaran global). Rancangan buat masa ini adalah kami mahu tingkatkan pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)," katanya.

Mengenai pegangannya di Boustead Holdings Bhd, beliau berkata, LTAT mungkin mempertimbangkan untuk mengurangkan pegangan sahamnya, namun bukan sekarang.

"Boustead mempunyai potensi besar namun pelaburan kami dalam syarikat itu terlalu banyak yang mana ia bukan amalan terbaik," katanya.

## PRESS CLIPPING

**DATE** : OCTOBER 1, 2019  
**MEDIA** : BERITA HARIAN  
**SECTION** : NASIONAL  
**PAGE** : 14  
**COLOUR** : BLACK & WHITE  
**EXPOSURE VALUE** : TO BE DETERMINED

# Transformasi 6 teras utama perkukuh tadbir urus

**Lembaga** Tabung Angkatan Tentera (LTAT) komited melaksanakan pelan transformasi merangkumi enam teras utama dalam usaha memperkukuhkan tadbir urus korporat dan aktiviti pelaburannya.

Pengerusinya, Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin, berkata teras yang menzahirkan misi dan visi baharu LTAT itu adalah tadbir urus korporat, mempertingkatkan pengurusan pemegang berkepentingan strategik, meningkatkan pulangan pelaburan mampan, memperbaiki infrastruktur dan membina pengurusan bakat.

Katanya, LTAT diwujudkan untuk anggota yang sedang berkhidmat dan anggota Angkatan Tentera Malaysia yang akan bersara.

Susulan itu, terdapat pelbagai aspek yang perlu dikaji semula

supaya LTAT berkhidmat secara mampan kepada ahli.

"Selaras dengan pelan transformasi ini dan sebahagian inisiatif strategi penumpuan aset bagi meningkatkan portfolio pelaburan, kami sedang berusaha mengurangkan penumpuan pelaburan yang tinggi bagi beberapa pelaburan dalam syarikat senaraian awam.

"Kami juga akan mempertimbangkan semula kesesuaian pelaburan tertentu yang mengalami penyusutan nilai dan tidak cukup kompetitif," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pengumuman keputusan kewangan LTAT bagi tahun kewangan berakhir 2018 di sini, semalam. Yang turut hadir, Ketua Eksekutif LTAT, Nik Amlizan Mohamed.

Mohd Zahidi berkata, LTAT kini

berada di bawah pengurusan baharu dan pihaknya percaya pelan transformasi akan meletakkan lembaga pengarah itu dalam kedudukan lebih baik untuk memanfaatkan peluang pelaburan menguntungkan.

"Seterusnya, memberi nilai terbaik kepada ahli selaras dengan matlamat utama penubuhan LTAT," katanya.

Mengenai sama ada LTAT akan mengambil tindakan undang-undang berhubung isu salah urus berkenaan, Nik Amlizan berkata, buat masa ini tabung itu akan memberi tumpuan kepada usaha penyusunan semula pengurusan dan kewangan.

Beliau menjelaskan, bagi pengurusan kanan LTAT, terdapat tiga individu yang akan bersara pada tahun ini dan tahun hada-

pan, justeru pihaknya perlu mencari pengganti yang layak.

Selain itu katanya, LTAT juga mewujudkan jawatan Ketua Pegawai Kewangan (CFO), jawatan yang tidak pernah ada sebelum itu bagi memastikan kewangan badan itu lebih teratur.

Ditanya sama ada LTAT akan membuat laporan polis susulan penemuan EY bahawa wujud pelbagai ketidakpatuhan dan kelemahan tadbir urus kewangan dalam lembaga itu di bawah pentadbiran terdahulu, Nik Amlizan berkata, pihaknya akan membuat laporan jika terdapat sebarang unsur jenayah.

Katanya, buat masa ini, penemuan awal yang diperoleh pihaknya adalah ia hanya membabitkan salah urus.

"Kami akan mengambil kira se-

gala penemuan EY. Jika ada apa-apa yang kami perlu lakukan, kami akan lakukan.

"Buat masa ini, terlalu awal untuk merumuskan sama ada wujud elemen jenayah. Jika ada sebarang kemungkinan ada elemen itu, kami akan buat laporan," katanya.

Katanya, LTAT mahu terus memandang ke hadapan, terutama waktu ini adalah masa yang mencabar untuk badan itu mendapatkan pulangan yang mampan bagi pencaerumnya.

"Jika boleh, kami tidak mahu masa yang terlalu panjang (dihabiskan) untuk lihat masa yang lalu. Disebabkan itu, kami memanggil pihak luar untuk membuat penilaian kerana ketika saya masuk (ke LTAT), saya tengok banyak sangat kelemahan," katanya.